



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROSIDING PENGHINAAN MAHKAMAH TERHADAP TAN SRI MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH

Jabatan Peguam Negara (AGC) akan memulakan prosiding penghinaan Mahkamah terhadap Tan Sri Muhammad Shafee bin Abdullah berikutan kenyataan yang dibuat pada 29 Mei 2025, di mana beliau secara terbuka menyamakan prosiding di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan "pendengaran ala Nazi-Jerman".

Kenyataan tersebut, yang dibuat dalam konteks kes yang masih berjalan, merupakan serangan yang serius dan tidak wajar terhadap maruah, kewibawaan, dan kebebasan badan kehakiman. Walaupun peguam berhak mencabar keputusan kehakiman melalui saluran undang-undang yang sewajarnya, kenyataan awam yang mencemarkan imej Mahkamah atau menggugat keyakinan awam terhadap pentadbiran keadilan tidak boleh diterima dalam sistem perundangan kita.

Peguam Negara memandang serius perkara ini sebagai isu yang melibatkan kepentingan perlembagaan dan institusi. Prosiding penghinaan Mahkamah akan diteruskan bagi menegakkan kedaulatan undang-undang, memelihara integriti proses kehakiman, dan melindungi Mahkamah daripada tohmahan serta tekanan awam yang tidak wajar.

JABATAN PEGUAM NEGARA

30 MEI 2025